

**TEKS UCAPAN**

**TUAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
SEMPENA  
MAJLIS PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS- AHLI MAJLIS  
MPSP 2013  
1 JULAI 2013 (ISNIN), JAM 9:00 PAGI  
DI DEWAN KENANGA, MPSP**

---

Yang Amat Berhormat **Tuan Lim Guan Eng**  
Ketua Menteri Pulau Pinang

Yang Berhormat **Tuan Haji Mohd Rashid bin Hasnon**  
Timbalan Ketua Menteri 1

Yang Berhormat **Tuan Prof P. Dr Ramasamy a/l Palanisamy**  
Timbalan Ketua Menteri 2

Yang Berhormat **Tuan Chow Kon Yeow**  
Pengerusi MMK Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan  
Banjir

Yang Berhormat **Dato' Hj Farizan bin Darus**  
Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang

Yang Berhormat **Ahli-ahli EXCO Kerajaan Negeri Pulau Pinang**

Yang Berhormat **Dato' Hj Mokhtar bin Mohd Jait**  
Pegawai Kewangan Negeri

Yang Dihormati Tuan-tuan dan Puan-puan  
Yang bakal mengangkat sumpah sebagai Ahli Majlis,  
Majlis Perbandaran Seberang Perai

Yang Berusaha **Tuan Sr Haji Rozali bin Hj Mohamud**  
Setiausaha Majlis Perbandaran Seberang Perai

Ketua-Ketua Jabatan  
Para Wakil Media  
Para hadirin yang saya hormati sekalian

.....  
Bersyukur saya kehadiran Allah S.W.T kerana dengan limpah perkenan serta izinnya, kita semua telah dapat berkumpul di Dewan Kenanga bagi menyaksikan satu lagi upacara bersejarah di dalam pentadbiran MPSP pada pagi ini. Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada YAB Tuan Lim Guan Eng, Ketua Menteri Pulau Pinang kerana dapat bersama dengan kita pada pagi ini.

Yang Amat Berhormat, Yang Berhormat, Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

Sebentar nanti kita akan menyaksikan Ahli-Ahli Majlis MPSP melakukan upacara mengangkat sumpah menerima jawatan sebagai Ahli Majlis MPSP untuk tempoh dari 1 Julai 2013 sehingga 31 Disember 2013. Seramai 24 Ahli Majlis yang telah dilantik dimana 10 adalah Ahli Majlis sedia ada, manakala 14 lagi adalah Ahli Majlis baru. Saya yakin Kerajaan

Negeri telah membuat pemilihan yang tepat dan boleh bekerjasama dengan pihak pengurusan MPSP untuk membawa MPSP ke tahap yang lebih cemerlang di peringkat negara dan antarabangsa.

Insyallah bermula dari hari ini, saya berharap Ahli-Ahli Majlis yang dilantik akan bersama-sama dengan kami untuk mengorak langkah, menyusun strategi, berganding bahu menerajui pentadbiran MPSP ke tahap yang lebih cemerlang sebagaimana yang diharapkan oleh Kerajaan Negeri dan penduduk Seberang Perai.

Untuk makluman semua Ahli Majlis, kami telah menyediakan Fokus MPSP 2013 bersama-sama dengan Ahli Majlis yang terdahulu dan saya berharap Ahli Majlis yang baru dilantik ini akan meneruskan usaha untuk melaksanakan Fokus MPSP 2013 sehingga ke akhir tahun.

Tuan – tuan dan puan – puan sekalian,

Program-program *Local Action (LA)* 21 diantara Ahli Majlis MPSP dengan stakeholder akan diteruskan bersama Ahli Majlis yang baru dilantik untuk mewujudkan satu sinergi baru bersama penduduk Seberang Perai. Sejak tahun lepas, Senamrobik Bersama MPSP diadakan setiap bulan. Program senamrobik ini diadakan Taman Tunku, Seberang Jaya pada setiap Ahad minggu pertama, manakala di Taman Tugu Demokrasi pada setiap Ahad minggu ketiga dan di Taman Berjaya, Nibong Tebal pada

setiap Ahad minggu keempat. Tujuan aktiviti-aktiviti ini dijalankan adalah untuk membolehkan Majlis lebih dekat dengan penduduk bagi mengetahui masalah, cadangan mereka terhadap Seberang Perai disamping dapat menjalankan senaman bersama-sama. Selain menjalankan aktiviti bersama komuniti, MPSP juga mengadakan program-program bersama dengan sekolah untuk membentuk sebuah negeri yang hijau dan bersih. Program yang diadakan adalah seperti Anugerah Sekolah Hijau, bengkel-bengkel membuat mudball, BIM buah-buahan dan sebagainya. Sebanyak 80 buah sekolah menyertai Anugerah Sekolah Hijau pada tahun ini berbanding 30 buah sekolah pada tahun 2010, 36 buah sekolah pada tahun 2011 dan 53 buah sekolah pada tahun 2012. Peningkatan ini menunjukkan semakin ramai guru dan pelajar yang tahu bahawa pentingnya aktiviti hijau kepada Seberang Perai. Saya berharap Ahli-Ahli Majlis akan bersama-sama dengan Majlis dalam program-program LA 21 yang dijalankan.

Ahli Majlis telah diberi peruntukan sebanyak RM 50,000 untuk projek *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang* dan RM 25,000 untuk infrastruktur. 50% daripada jumlah peruntukan ini masih ada untuk digunakan secara berhemah oleh para Ahli Majlis dari Julai sehingga Disember 2013.

Untuk makluman semua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memperuntukan RM 5 juta untuk tujuan pembaikan kecil di 23 pasar awam yang terletak di Seberang Perai, dan RM 5 juta lagi menaiktaraf 3 buah pasar awam iaitu Pasar Awam Sri Bandar, Pasar Awam Taman Berjaya, Nibong Tebal dan juga Pasar Awam Samagahah. Disamping itu, sebuah pasar awam baru juga akan dibina di Juru dengan peruntukan sebanyak RM 1 juta dan ia dijangkakan siap pada bulan Disember 2013. MPSP juga menerima peruntukan sebanyak RM 1,119,100.00 daripada Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk tujuan menaiktaraf dua pasar awam iaitu Pasar Awam Kampung Baru dan Pasar Awam Berapit.

MPSP akan memberikan taklimat kepada semua Ahli Majlis mengenai rancangan MPSP untuk tahun 2013 pada masa terdekat. Ini boleh memberikan pemahaman mengenai tugas-tugas PBT kepada semua Ahli Majlis dan juga pegawai serta ia boleh dijadikan peluang untuk bertukar fikiran bagi mengorak langkah membawa MPSP menuju ke hadapan.

Tuan – tuan dan puan – puan sekalian,

Pada kesempatan ini juga saya bagi pihak staff MPSP ingin sekali lagi menyampaikan ucapan tahniah kepada Ahli Majlis-Ahli Majlis yang telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Saya berharap barisan Ahli Majlis yang dilantik akan bekerjasama erat dengan Majlis Perbandaran Seberang Perai untuk menyediakan pasukan kerja yang komited dan

mantap supaya perkhidmatan dan pembangunan Majlis Perbandaran Seberang Perai dapat bertambah baik dan berjalan lancar dan seterusnya membawa Seberang Perai ke tahap antarabangsa. Dengan harapan yang tersebut saya sudahi ucapan saya dengan wabillah hitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Sekian, terima kasih.